

Latihan 7

Arahan: Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan yang diberi. [10 markah]

Lily seorang budak Tahun Satu. Dia bangun awal 早起 pada setiap pagi. Ibu Lily iaitu, Puan Rosita menyediakan 预备 sarapan 早餐 yang berkhasiat 营养 untuk Lily setiap pagi. Lily suka makan roti dan minum susu yang berperisa coklat 巧克力口味. Ibunya membancuh 泡 susu di dalam teko. Setelah makan sarapan, ayah Lily akan menghantar dia ke sekolah.

- 1) Lily merupakan seorang budak _____.
- 2) Lily bangun awal pada setiap _____.
- 3) Siapakah yang menyediakan sarapan yang berkhasiat kepada Lily setiap pagi?
_____.
- 4) Lily suka makan _____ dan minum _____ yang berperisa coklat.
- 5) Siapakah yang menghantar Lily ke sekolah setiap pagi?
_____.

Latihan 8

Arahan: Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan yang diberi. [10 markah]

Pada hari Sabtu yang lalu, Daniel dan keluarganya makan bersama-sama di Restoran Alibaba. Ayah Daniel memesan 点 nasi goreng. Ibunya pula memesan mi goreng basah. Daniel dan adiknya memilih 选择 bubur 粥 sebagai makanan tengah hari 午餐. Daniel dan adiknya makan bubur dengan menggunakan sudu. Mereka makan dengan perlahan 慢 kerana bubur itu sangat panas.

- 1) Daniel dan keluarganya makan bersama-sama di _____.
- 2) Ayah Daniel memesan _____.
- 3) Apakah makanan yang dipilih oleh Daniel dan adiknya?
_____.
- 4) Bagaimanakah Daniel dan adiknya makan bubur?
_____.
- 5) Daniel dan adiknya makan bubur dengan perlahan kerana bubur itu sangat
_____.